

KESEJAHTERAAN ASET BELIA MALAYSIA KONTEMPORARI: CABARAN AWAL KE ARAH MEREALISASIKAN DASAR BELIA MALAYSIA

*Haslinda Abdullah, Dzuhailmi Dahalan, Steven Eric Krauss,
Abdul Hadi Sulaiman & Azimi Hamzah*

Dasar Belia Malaysia (DBM) yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada majlis sambutan Hari Belia Negara 2015 menggariskan Pembangunan Belia Positif atau Positive Youth Development (PYD) sebagai teras utama DBM. PYD merupakan satu pendekatan yang mengiktiraf potensi belia Malaysia, dibangunkan melalui cara yang positif dan bersesuaian dengan potensi di mana belia berada. Manakala, asas PYD dalam DBM adalah pembangunan kesejahteraan aset belia negara. Ia merupakan instrumen pengukuran yang menilai keupayaan belia Malaysia ke arah mencapai matlamat unggul PYD. Aset pembangunan yang diketengahkan berupaya mengukur elemen pengaruh pelbagai konteks hubungan, peluang, kompetensi dan kualiti peribadi seseorang individu bagi mengelakkan tingkah laku berisiko sekaligus berupaya menyerlahkan potensi diri belia yang positif merentas jantina, etnik, agama, taraf ekonomi, serta profil demografi keluarga.

Kajian Kesejahteraan Aset Belia Malaysia menjadi salah satu mekanisme utama penilaian DBM yang akan dilaksanakan pada tahun 2018. Pembangunan aset adalah konsep pembangunan manusia positif yang mensintesis faktor konteks dan individu. Kewujudannya berfungsi bagi melindungi atau menghalang tingkah laku yang menjejaskan kesihatan serta memaksimumkan potensi yang sedia ada. Pada masa yang sama, ia berupaya meningkatkan hasil pembangunan positif. Teori dan penyelidikan berkaitan aset pembangunan/aset pembangunan komuniti direka bagi merangka semula sasaran dan haluan pembangunan manusia supaya seluruh imej kekuatan dan potensi individu dapat diserlahkan (Benson, 2007).

KERANGKA ASET BELIA: SOROTAN LITERATUR

Kerangka Aset pada asalnya diilhamkan oleh Benson dan rakan-rakan di Search Institute, Minneapolis, Amerika Syarikat. Search Institute merupakan organisasi perintis yang menggunakan penyelidikan sains sosial bagi memahami kehidupan, kepercayaan serta nilai-nilai orang muda (belia). Kerangka Aset merupakan satu taksonomi yang terdiri daripada 40 aset pembangunan (40 developmental assets), mewakili pengaruh persekitaran dan kekuatan psikologi bagi meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan belia (Forneris, Camire & Williamson, 2015). Kerangka ini adalah berdasarkan kepada 20 aset yang dikenalpasti sebagai aset luaran (Ciri-ciri Persekitaran dan Sistem Sosial) yang dibahagikan kepada empat kategori iaitu: (1) Sokongan; (2) Kuasa; (3) Batasan dan jangkauan; dan (4) Penggunaan masa konstruktif. Sementara 20 aset lain pula dianggap sebagai aset dalaman (Kemahiran dan Kecekapan)

yang turut dibahagikan kepada empat kategori iaitu: (1) Komitmen kepada pembelajaran; (2) Nilai-nilai positif; (3) Kecekapan sosial; dan (4) Identiti positif (Benson, 2003).

Kerangka 40 Aset telah diuji secara meluas di kebanyakan negara dan lokaliti terpilih di seluruh dunia. Ia telah digunakan sebagai instrumen pembangunan polisi dan amalan negara maju dan membangun. Terdapat bukti penyelidikan yang menunjukkan terdapat perkaitan di antara kerangka Aset dengan beberapa tingkah laku berisiko (Atkins, Oman, Vesely & Aspy, 2002; Scales et al., 2000; Fulkerson et al., 2006; Scales, 1999), tingkah laku berkembang maju (Scales et al., 2000; Gestsdóttir et al., 2011), hasil akademik dan penglibatan (Scales et al., 2006; Scales, Pekel, & Roehlkepartain, 2013; Scales & Taccogna, 2000), risiko kesihatan dan promosi (Leffert et al., 2001; Scales, 2000), hasil psikologi dan daya tahan (Galinsky & Sonenstein, 2011; Jain et al., 2012; Sesma Jr, Mannes & Scales, 2013), dan lain-lain (Diehl, Howse & Trivette, 2011; Wagener et al., 2003; Weigel, Lowman & Martin, 2007).

Negara-negara membangun seperti Bangladesh, Honduras, Jordan dan Rwanda mengguna pakai kerangka Aset bagi mendokumentasikan sejauhmana perkaitan aset pembangunan dengan keutamaan pembangunan antarabangsa dalam kalangan belia berumur 12 – 28 tahun. Hasil menunjukkan semakin tinggi tahap aset pembangunan, maka semakin baik hasil kesejahteraan dalam kalangan belia yang dijadikan sampel kajian di setiap negara terlibat. Di seluruh negara, paras aset belia adalah berkait rapat dengan Pembangunan Tenaga Kerja/Pembangunan Kehidupan, Promosi Kesihatan, dan Promosi Masyarakat Sivil (Scales, Roehlkepartain & Fraher, 2012). Hasil kajian ini selaras dengan kebanyakan kajian aset yang mengaitkan bilangan aset pembangunan yang dilaporkan belia dengan hasil perlakuan positif dan negatif (Benson, 2007). Kajian sebelum ini jelas membuktikan semakin banyak Aset Pembangunan yang belia miliki, maka semakin baik peluang untuk mereka berjaya di sekolah, menjadi bahagia, sihat serta menyumbang kepada lokaliti tempatan dan masyarakat keseluruhannya (Search Institute, 2015). Sebaliknya, sedikit aset yang dimiliki lazimnya membawa kepada tingkah laku berisiko serta menjejaskan kesihatan (Benson, 2007).

Di Malaysia, kerangka Aset telah digunakan bagi membangunkan suatu profil kesihatan pembangunan orang muda (Haslinda et al., 2014). Ia juga bertujuan bagi meneroka perkaitan antara aset dalaman dan luaran dengan hasil belia. Dalam beberapa kajian, aset luaran dikaitkan dengan pelbagai hasil tingkah laku positif dan negatif, serta petunjuk psikologi termasuk emosi positif (Abdul Kadir et al, 2012; Abdul Kadir et al., 2014); keagamaan (Siti et al., 2015) dan kesihatan mental (Ismail, Ghazali & Ibrahim, 2015).

Pembangunan Kesejahteraan Aset Belia Malaysia

Kerangka Aset belia semakin mendapat perhatian dan sokongan daripada pihak Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS) selaku pembuat dasar utama generasi belia di Malaysia. Antara lain, Kajian Kesejahteraan Aset Belia Malaysia akan dijadikan sebagai antara mekanisme penilaian utama keberkesanan DBM yang baru (Dasar Belia Malaysia, 2015). Walau bagaimanapun, terdapat 48 jumlah Aset Belia Malaysia yang diketengahkan dalam DBM. Ini berbeza daripada jumlah asal yang diperkenalkan (40 aset) oleh Benson dan rakan-rakan pada penghujung tahun 1990 di Search Institute (Search Institute, 2016).

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), sebuah entiti penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang penting di bawah KBS telah diberi tanggungjawab untuk mengendalikan Kajian Kesejahteraan Aset Belia Malaysia melalui kerjasama pakar rujuk belia universiti tempatan. Sehingga kini, sebanyak dua set Kajian Kesejahteraan Aset Belia Malaysia berjaya dilaksanakan iaitu pada tahun 2014 dan 2015. Kerangka 48 Aset Kesejahteraan Belia Malaysia yang digunakan KBS di dalam mengukur pencapaian DBM adalah bertitik tolak daripada kajian yang dilakukan oleh Azimi dan rakan-rakan penyelidik Universiti Putra Malaysia (Azimi & Zanariah, 2007). Azimi dan rakan-rakan berjaya membangunkan sebuah kerangka aset kesejahteraan belia mengikut konteks budaya di

Malaysia melalui proses adaptasi kerangka aset yang asal. Beberapa aset dan domain baru (Keagamaan; Amalan Gaya Hidup Sihat; Kesedaran Sivik) telah di tambah mengikut kesesuaian dan konteks belia kontemporari di Malaysia.

Setelah melalui proses penelitian yang panjang berdasarkan kajian-kajian dalam bidang pembangunan belia positif, IYRES dan UPM akhirnya berjaya membangunkan sebuah kerangka aset kesejahteraan belia Malaysia. Kerangka aset ini telah digunapakai sebagai instrumen pengukuran dalam Kajian Kesejahteraan Aset Belia Malaysia yang pertama (Haslinda et al., 2014). Rajah 1 dan 2 menunjukkan perbezaan kerangka aset belia Malaysia setelah melalui proses adaptasi daripada kerangka aset yang asal.

Rajah 1: Kerangka Aset Belia Malaysia

Aset Luaran		Aset Dalaman	
1.	SOKONGAN	5.	KOMITMEN PEMBELAJARAN
	1. Sokongan Keluarga		23. Motivasi Pencapaian
	2. Komunikasi Keluarga Positif		24. Penglibatan Sekolah
	3. Hubungan dengan Orang Dewasa Lain		25. Kerja rumah
	4. Kejiranan Prihatin		26. Keeratan kepada Sekolah
	5. Iklim Sekolah Prihatin (Guru)		27. Membaca untuk Keronokan
	6. Iklim Sekolah Prihatin (Rakan)	6.	NILAI POSITIF
	7. Iklim Sekolah Prihatin (Sekolah Penggalak Penyertaan)		28. Prihatin
	8. Iklim Sekolah Prihatin (Keselamatan, Persekitaran mesra)		29. Keadilan Sosial
	9. Penglibatan Ibubapa di Sekolah		30. Integriti
2.	PENDAYAUPAYAAN		31. Jujur
	10. Masyarakat menilai belia		32. Tanggungjawab
	11. Belia sebagai Sumber		33. Sabar
	12. Keselamatan	7.	KOMPETENSI SOSIAL
3.	BATASAN DAN JANGKAAN		34. Merancang & Membuat Keputusan
	13. Batasan Keluarga		35. Kompetensi Interpersonal
	14. Batasan Sekolah		36. Kompetensi Budaya
	15. Batasan Kejiranan		37. Kemahiran Menghadapi Rintangan
	16. Role Model Orang Dewasa		38. Pemikiran Sivik
	17. Pengaruh rakan sebaya positif		39. Penyelesaian Konflik secara Aman
	18. Jangkaan Tinggi	8.	IDENTITI POSITIF
4.	PENGUNAAN MASA KONSTRUKTIF		40. Kuasa Personal
	19. Aktiviti Kreatif		41. Harga Diri
	20. Program Belia		42. Rasa Bertujuan
	21. Keagamaan		43. Pandangan Positif Masa Depan Peribadi
	22. Masa Bersama Rakan di Luar Rumah	9.	AMALAN GAYA HIDUP SIHAT
			44. Tabiat Pemakanan
			45. Tidur
			46. Kebersihan Diri
			47. Senaman
		10.	KEAGAMAAN
			48. Amalan Keagamaan

Sumber: Kajian Kesejahteraan Aset Belia Malaysia (Haslinda et al., 2014)

Rajah 2: 40 Developmental Assets

Category	Asset Name and Definition
External Assets	Support <ol style="list-style-type: none"> 1. Family Support-Family life provides high levels of love and support. 2. Positive Family Communication-Young person and her or his parent(s) communicate positively, and young person is willing to seek advice and counsel from parents. 3. Other Adult Relationships-Young person receives support from three or more nonparent adults. 4. Caring Neighborhood-Young person experiences caring neighbors. 5. Caring School Climate-School provides a caring, encouraging environment. 6. Parent Involvement in Schooling-Parent(s) are actively involved in helping young person succeed in school.
	Empowerment <ol style="list-style-type: none"> 7. Community Values Youth-Young person perceives that adults in the community value youth. 8. Youth as Resources-Young people are given useful roles in the community. 9. Service to Others-Young person serves in the community one hour or more per week. 10. Safety-Young person feels safe at home, school, and in the neighborhood.
	Boundaries & Expectations <ol style="list-style-type: none"> 11. Family Boundaries-Family has clear rules and consequences and monitors the young person's whereabouts. 12. School Boundaries-School provides clear rules and consequences. 13. Neighborhood Boundaries-Neighbors take responsibility for monitoring young people's behavior. 14. Adult Role Models-Parent(s) and other adults model positive, responsible behavior. 15. Positive Peer Influence-Young person's best friends model responsible behavior. 16. High Expectations-Both parent(s) and teachers encourage the young person to do well.
	Constructive Use of Time <ol style="list-style-type: none"> 17. Creative Activities-Young person spends three or more hours per week in lessons or practice in music, theater, or other arts. 18. Youth Programs-Young person spends three or more hours per week in sports, clubs, or organizations at school and/or in the community. 19. Religious Community-Young person spends one or more hours per week in activities in a religious institution. 20. Time at Home-Young person is out with friends "with nothing special to do" two or fewer nights per week.
Internal Assets	Commitment to Learning <ol style="list-style-type: none"> 21. Achievement Motivation-Young person is motivated to do well in school. 22. School Engagement-Young person is actively engaged in learning. 23. Homework-Young person reports doing at least one hour of homework every school day. 24. Bonding to School-Young person cares about her or his school. 25. Reading for Pleasure-Young person reads for pleasure three or more hours per week.
	Positive Values <ol style="list-style-type: none"> 26. Caring-Young person places high value on helping other people. 27. Equality and Social Justice-Young person places high value on promoting equality and reducing hunger and poverty. 28. Integrity-Young person acts on convictions and stands up for her or his beliefs. 29. Honesty-Young person "tells the truth even when it is not easy." 30. Responsibility-Young person accepts and takes personal responsibility. 31. Restraint-Young person believes it is important not to be sexually active or to use alcohol or other drugs.
	Social Competencies <ol style="list-style-type: none"> 32. Planning and Decision Making-Young person knows how to plan ahead and make choices. 33. Interpersonal Competence-Young person has empathy, sensitivity, and friendship skills. 34. Cultural Competence-Young person has knowledge of and comfort with people of different cultural/racial/ethnic backgrounds. 35. Resistance Skills-Young person can resist negative peer pressure and dangerous situations. 36. Peaceful Conflict Resolution-Young person seeks to resolve conflict nonviolently.
	Positive Identity <ol style="list-style-type: none"> 37. Personal Power-Young person feels he or she has control over "things that happen to me." 38. Self-Esteem-Young person reports having a high self-esteem. 39. Sense of Purpose-Young person reports that "my life has a purpose." 40. Positive View of Personal Future-Young person is optimistic about her or his personal future.

Sumber: 40 Developmental Assets (Search Institute, 2004)

METODOLOGI

Makalah ini menyentuh dapatan Kajian Kesejahteraan Aset Belia Malaysia 2015 sahaja (Haslinda et al., 2015). Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif di dalam memahami pembangunan kesejahteraan aset belia di Malaysia. Ia telah dirangka sebagai kajian untuk jangka masa panjang dengan menjadikan kajian rintis pada tahun 2014 sebagai baseline kepada siri kajian berikutnya. Kajian ini menggunakan konsep '*Malaysian national survey*' bagi pelajar sekolah menengah yang berumur antara 13 dan 17 tahun. Julat umur ini digunapakai berasaskan kajian *baseline* yang menunjukkan terdapat keperluan untuk mendapatkan maklumat belia seawal yang mungkin bagi membolehkan intervensi awal dilakukan. Sampel terdiri daripada pelajar sekolah menengah di seluruh Malaysia. Persampelan rawak berstrata digunakan bagi mengenal pasti daerah, sekolah dan responden kajian. Oleh sebab populasi pelajar sekolah menengah di Malaysia begitu besar (222,718 orang pelajar), kumpulan penyelidik telah menetapkan sampel kajian yang diperlukan untuk kajian ini adalah antara 6500 ke 7000 orang responden sahaja. Ini bermakna hampir 500 orang responden bagi setiap negeri (14 buah negeri) adalah dianggarkan telah menyertai kajian ini.

Teknik kaji selidik mel telah digunakan semasa proses pengumpulan data. Setiap sekolah yang disasarkan menerima kotak kit termasuk satu set soal selidik, manual prosedur pengumpulan data (digunakan oleh guru yang mentadbir sesi pengumpulan data), token (cenderahati) kepada pelajar serta sampul surat kosong untuk tujuan penghantaran semula borang soal selidik yang telah dilengkapkan kepada penyelidik. Oleh kerana kajian ini melibatkan sekolah-sekolah menengah awam di Malaysia, kebenaran untuk menjalankan kajian perlu diperolehi terlebih dahulu daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Secara umumnya, proses kelulusan mengambil masa antara 3 hingga 4 minggu.

Melalui surat kelulusan daripada KPM dan JPN, penyelidik telah berurusan dengan setiap pentadbir sekolah yang dipilih agar melantik seorang guru kaunselor bagi membantu proses pengumpulan data bagi pihak penyelidik. Hasrat dan tujuan kajian dinyatakan sebelum memohon persetujuan daripada pihak pentadbir sekolah. Selepas kebenaran diperolehi, penyelidik memaklumkan tatacara pengumpulan data kajian yang perlu dijalankan. Perbincangan lanjut dari masa ke semasa selepas daripada itu hanya berlaku antara wakil penyelidik dengan guru/guru kaunselor yang terlibat. Proses pengumpulan data selesai setelah penyelidik menerima kembali kesemua set borang soal selidik yang telah dijawab oleh responden.

Kaedah Pembentukan Skor Aset

Borang soal selidik Kesejahteraan Aset Belia telah digunakan bagi menilai tahap kekerapan responden mengalami sendiri sesuatu petunjuk indikator (aset) dalam kehidupan mereka. Julat skala yang digunakan pada setiap item pernyataan aset dalam soal selidik adalah: (1)=Tidak pernah; (2)=Kadangkala; (3)=Kerap/selalu; dan (4)=Sentiasa.

Langkah pertama pembentukan skor aset adalah dengan mengkategorikan semula (*recode*) skor setiap item pernyataan bagi setiap aset pembangunan di bawah aset domain (lihat Rajah 3). Sebelum membuat pengiraan skor aset dan domain, penyelidik terlebih dahulu mengubah skala pemarkahan sedia ada iaitu skala 4-mata kepada skala 0 (Tidak pernah & Kadangkala) dan 1 (Kerap/selalu & Sentiasa). Penyelidik telah menggunakan wajaran pemarkahan 0/1; di mana 0=tidak wujud; 1=wujud (fenomena/kesan aset dalam kehidupan responden). Penggunaan konfigurasi dikotomi dibolehkan dalam penyelidikan bagi mendapatkan jumlah markah aset setiap indikator, aset dan aset domain. Kaedah ini adalah perkara yang biasa dilakukan dalam kalangan penyelidik yang melaporkan dapatan kajian berkaitan aset pembangunan di Amerika Syarikat dan di negara-negara lain.

Rajah 3: Jumlah Item Pernyataan Aset Pembangunan di bawah Aset Domain

Bil.	Aset Domain	# Item
1.	Sokongan	39
2.	Pendayaupayaan	12
3.	Batasan dan Jangkaan	18
4.	Penggunaan Masa Konstruktif	5
5.	Komitmen Pembelajaran	17
6.	Nilai Positif	14
7.	Kompetensi Sosial	29
8.	Identiti Positif	9
9.	Amalan Gaya Hidup Sihat	8
10.	Keagamaan	8
Jumlah		159

Langkah seterusnya adalah pengiraan skor aset. Bagi setiap aset, pengiraan dilakukan dengan melakukan operasi tambah kepada semua item pernyataan yang terdapat dalam aset tersebut. Hasil jumlah tersebut kemudiannya dibahagikan dengan jumlah item pernyataan sesuatu aset bagi mendapatkan nilai peratus aset. Misalnya, Aset 1: Sokongan Keluarga - 4 item pernyataan (lihat Rajah 4), pengiraan skor adalah: $[(1+1+1+0) / 4 * 100 = 75.0\%]$.

Rajah 4: Item Pernyataan Aset Pembangunan-Sokongan Keluarga

Aset Domain	Aset Pembangunan	Item Pernyataan
Sokongan	Sokongan Keluarga	Keluarga saya memberi kasih sayang sepenuhnya Keluarga memberi motivasi untuk saya berjaya dalam apa jua perkara Keluarga saya amat mempercayai saya Keluarga saya memberi sokongan moral

Berikutnya adalah langkah mengkategorikan semula peratus aset. Selepas mendapat nilai peratus aset, nilai tersebut sekali lagi akan diubah kepada skor 0 dan 1, yang mana skor '0' sebagai tidak memiliki aset pembangunan, manakala '1' sebagai memiliki aset pembangunan. Pengkategorian semula ini adalah berdasarkan kepada penetapan skor peratusan aset yang dilakukan oleh penyelidik iaitu: $[1=70.0\% >]$ sebagai memiliki aset pembangunan. Manakala, $[0=69.9\% <]$ sebagai tidak memiliki aset pembangunan. Penetapan ini penting bagi membuat keputusan sama ada individu belia yang dikaji memiliki aset pembangunan ataupun tidak.

Langkah terakhir adalah merupakan pengiraan skor aset domain. Terdapat 10 Aset Domain dalam kajian ini iaitu: (1) Sokongan; (2) Pendayaupayaan; (3) Batasan dan Jangkaan; (4) Penggunaan Masa Konstruktif; (5) Komitmen Pembelajaran; (6) Nilai Positif; (7) Kompetensi Sosial; (8) Identiti Positif; (9) Amalan Gaya Hidup Sihat; dan (10) Keagamaan. Setiap satu aset domain pula mempunyai beberapa aset pembangunan (lihat Rajah 1). Oleh itu, pengiraan aset domain dilakukan dengan melakukan operasi tambah ke atas semua skor aset pembangunan yang terdapat dalam aset domain tersebut. Hasil jumlah tersebut kemudiannya dibahagikan dengan jumlah bilangan aset domain bagi mendapatkan nilai peratus aset domain. Misalnya, Aset Domain 5: Komitmen Pembelajaran - 5 aset pembangunan (lihat semula Rajah 1), pengiraan skor adalah: $[(1+1+1+0+0) / 5 * 100 = 60.0\%]$. Sementara, ringkasan tafsiran skor aset domain pula ditunjukkan pada Rajah 5.

Rajah 5: Tafsiran Skor Aset Domain



DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil Responden

Profil demografi responden diterangkan mengikut jantina, umur, bangsa, agama, tempat tinggal, pendapatan isi rumah, jenis kaum di tempat tinggal dan gred peperiksaan. Jadual 1 menunjukkan 50.6% responden adalah lelaki manakala selebihnya (49.4%) adalah perempuan. Majoriti responden (61.2%) berumur 15 tahun ke atas, manakala 38.8% dalam kalangan mereka adalah berumur 15 tahun ke bawah.

Komposisi kaum pula menunjukkan 58.4% responden adalah berbangsa Melayu. Ini diikuti 14.4% mewakili kaum Cina, 11.7% (India), 6.6% (Bumiputera Sabah), 6.3% (Bumiputera Sarawak) dan lain-lain bangsa (2.6%). Profil agama responden menunjukkan 66.3% responden beragama Islam. Manakala tidak sampai 20% dalam kalangan mereka mewakili penganut agama Buddha (13.1%), Hindu (10.3%), Kristian (9.6%) dan lain-lain agama (0.7%).

Dari segi tempat tinggal, 41.4% responden tinggal di kawasan luar bandar. Sebanyak 37.7% dalam kalangan mereka tinggal di bandar dan selebihnya (20.9%) tinggal di pekan dan lain-lain lokasi. Data pendapatan isi rumah responden menunjukkan 39.5% dalam kalangan mereka mempunyai pendapatan antara RM1,000.00 – RM3,000.00 sebulan, sementara 35.6% responden mempunyai jumlah pendapatan kurang daripada RM1,000.00 dan 24.9% responden lagi mempunyai jumlah pendapatan isi rumah lebih daripada RM3,000.00 sebulan.

Responden turut ditanya tentang profil penduduk berdasarkan kaum yang ada di tempat tinggal mereka. Data menunjukkan 51.5% responden tinggal di kawasan penduduk pelbagai kaum, manakala 48.5% lagi mengatakan tiada kaum lain tinggal di kawasan tempat tinggal mereka.

Jadual 1: Profil Demografi Responden (n=6822)

Latarbelakang	Peratus
Jantina	
Lelaki	50.6
Perempuan	49.4
Umur	
< 15 Tahun	38.8
15 Tahun ≥	61.2

Bangsa	
Melayu	58.4
Cina	14.4
India	11.7
B/P Sabah	6.6
B/P Sarawak	6.3
Lain-lain	2.6
Agama	
Islam	66.3
Buddha	13.1
Hindu	10.3
Kristian	9.6
Lain-lain	0.7
Tempat tinggal	
Bandar	37.7
Pekan	12.0
Luar bandar	41.4
Lain-lain	8.9
Pendapatan isi rumah	
≤ RM 1000.00	35.6
RM 1000.00 – RM 3,000.00	39.5
RM 3,001.00 ≥	24.9
Jenis kaum di tempat kediaman	
Kaum sendiri sahaja	48.5
Campuran kaum	51.5
Gred peperiksaan	
Kebanyakan A & B	50.5
Kebanyakan C & D	45.5
Kebanyakan E & F	4.0

Profil responden yang terakhir dalam bahagian ini adalah berkaitan dengan gred peperiksaan yang mereka perolehi. Data menunjukkan sebanyak 50.5% responden mengatakan kebanyakan peperiksaan yang mereka duduki mendapat gred A dan B, sementara 45.5% mengatakan kebanyakannya gred C & D. Hanya 4.0% sahaja responden mengatakan kebanyakannya mendapat gred E & F.

Kesejahteraan Aset Belia Malaysia 2015

Jadual 2 menunjukkan skor aset domain dan skor keseluruhan (tahap kesejahteraan aset belia Malaysia 2015). Skor aset domain dikira berdasarkan purata daripada jumlah skor aset pembangunan bagi setiap aset domain (lihat Metodologi Kajian), manakala skor keseluruhan (Kesejahteraan Aset Belia Malaysia) dikira berdasarkan purata daripada jumlah skor sepuluh aset domain. Tafsiran aset domain adalah seperti yang diringkaskan pada Rajah 5 sebelum ini.

Kajian menunjukkan semua aset dalaman menunjukkan skor yang tinggi berbanding skor aset luaran kecuali aset domain 9 (Amalan Gaya Hidup Sihat) yang menunjukkan peratusan yang rendah berbanding lain-lain aset dalaman. Dapatan kajian umumnya menunjukkan bahawa belia Malaysia melihat elemen diri dan hubungan dengan orang lain sebagai suatu sumber kekuatan dengan penguasaan aset dalaman pada tahap yang tinggi berbanding elemen sokongan luaran yang merangkumi keluarga, sekolah dan masyarakat.

Jadual 2: Kesejahteraan Aset Belia Malaysia 2015

Bil.	Aset Domain	Peratus
1.	Sokongan	70.9
2.	Pendayaupayaan	51.0
3.	Batasan dan Jangkaan	68.9
4.	Penggunaan Masa Konstruktif	54.1
5.	Komitmen Pembelajaran	73.8
6.	Nilai Positif	76.5
7.	Kompetensi Sosial	74.8
8.	Identiti Positif	80.3
9.	Amalan Gaya Hidup Sihat	62.6
10.	Keagamaan	79.7
Skor Aset Belia Malaysia 2015		69.3

Dapatan menunjukkan (Jadual 3) terdapat 7 aset domain (Sokongan; Pendayaupayaan; Batasan dan Jangkaan; Penggunaan Masa Konstruktif; Komitmen Pembelajaran; Kompetensi Sosial; dan Amalan Gaya Hidup Sihat) berada pada tahap 'baik' berdasarkan tafsiran skor aset domain (51-75%). Sementara, 3 aset domain lagi berada pada tahap 'cemerlang' dengan skor antara 76-100%.

Hampir majoriti skor aset pembangunan (23 daripada 48 aset) berada di sekitar skor 75.1-100% yang ditafsirkan sebagai aset 'cemerlang'. 15 daripadanya terdiri daripada aset dalaman di mana 5 aset pembangunan tertinggi dicatatkan pada Pandangan Positif Masa Depan Peribadi (88.6%); Sabar (84.9%); Tanggungjawab (83.3%); Kemahiran Menghadapi Rintangan dan Kebersihan Diri (82.7%); dan Keadilan Sosial (81.5%). Manakala, terdapat 7 aset luaran mencatatkan skor 'cemerlang' di mana 3 aset pembangunan tertinggi dicatatkan pada aset Sokongan Keluarga (88.5%); Batasan Keluarga (84.4%); dan Jangkaan Tinggi (82.7%). Semua skor ini menunjukkan belia Malaysia merasakan bahawa diri mereka kurang mendapat sokongan daripada anggota kejiranan (skor menghampiri tahap sederhana), di samping kurang mendapat peluang melibatkan diri dalam aktiviti yang bermakna. Indikator yang dikemukakan dalam aset kejiranan adalah mengenai hubungan belia dengan jiran dan kegiatan atau penglibatan belia dalam aktiviti komuniti. Belia juga melihat kejiranan mereka sebagai tidak 'mesra belia' kecuali hubungan mereka dengan keluarga mereka sendiri dan pengalaman mereka di sekolah. Dalam pendekatan biologikal (Bronfenbrenner, 1977) dan pembangunan belia, keluarga, sekolah dan masyarakat dilihat sebagai tiga faktor penting yang mempengaruhi perkembangan sihat individu belia. Daripada dapatan ini, dua daripada tiga elemen tersebut seolah-olah wujud dan dirasai dalam kehidupan belia Malaysia manakala kejiranan pula dilihat sebagai kurang 'mesra belia'. Perkara ini wajar diberikan perhatian.

Jadual 3: Skor Aset Domain dan Aset Pembangunan

ASET DOMAIN	ASET PEMBANGUNAN	SKOR ASET	SKOR A.D
(ASET DOMAIN 1) SOKONGAN	1. Sokongan Keluarga	88.5	70.9
	2. Komunikasi Keluarga Positif	74.8	
	3. Hubungan dengan Orang Dewasa Lain	44.7	
	4. Kejiranan Prihatin	51.2	
	5. Iklim Sekolah Prihatin (Guru)	78.3	
	6. Iklim Sekolah Prihatin (Rakan)	73.9	
	7. Iklim Sekolah Prihatin (Sekolah Penggalak Penyertaan)	75.9	
	8. Iklim Sekolah Prihatin (Keselamatan, Persekitaran mesra)	75.1	
	9. Penglibatan Ibubapa di Sekolah	76.1	
(ASET DOMAIN 2) PENDAYAUPAYAAN	10. Masyarakat menilai belia	49.3	51.0
	11. Belia sebagai Sumber	24.9	
	12. Keselamatan	78.8	
(ASET DOMAIN 3) BATASAN DAN JANGKAAN	13. Batasan Keluarga	84.4	68.9
	14. Batasan Sekolah	69.6	
	15. Batasan Kejiranan	38.2	
	16. Rol Model Orang Dewasa	68.7	
	17. Pengaruh rakan sebaya positif	69.5	
	18. Jangkaan Tinggi	82.7	
(ASET DOMAIN 4) PENGUNAAN MASA KONSTRUKTIF	19. Aktiviti Kreatif	44.4	54.1
	20. Program Belia	35.5	
	21. Keagamaan	74.5	
	22. Masa Bersama Rakan di Luar Rumah	61.8	
PURATA SKOR ASET LUARAN			61.2
(ASET DOMAIN 5) KOMITMEN PEMBELAJARAN	23. Motivasi Pencapaian	80.5	
	24. Penglibatan dalam Aktiviti Sekolah	68.3	
	25. Kerja rumah	64.7	
	26. Keeratan kepada Sekolah	77.1	
	27. Membaca untuk keseronokan	78.2	
(ASET DOMAIN 6) NILAI POSITIF	28. Prihatin	70.7	76.5
	29. Keadilan Sosial	81.5	
	30. Integriti	59.8	
	31. Jujur	78.5	
	32. Tanggungjawab	83.3	
	33. Sabar	84.9	
(ASET DOMAIN 7) KOMPETENSI SOSIAL	34. Merancang & Membuat Keputusan	77.3	74.8
	35. Kompetensi Interpersonal	66.9	
	36. Kompetensi Budaya	69.5	
	37. Kemahiran Menghadapi Rintangan	82.7	
	38. Pemikiran Sivik	72.5	
(ASET DOMAIN 8) IDENTITI POSITIF	39. Penyelesaian Konflik secara Aman	79.9	80.3
	40. Kuasa Personal	81.1	
	41. Harga Diri	71.9	
	42. Rasa Bertujuan	79.6	
(ASET DOMAIN 9) AMALAN GAYA HIDUP SIHAT	43. Pandangan Positif Masa Depan Peribadi	88.6	62.6
	44. Tabiat Pemakanan	43.5	
	45. Tidur	50.9	
	46. Kebersihan Diri	75.2	
(ASET DOMAIN 10) KEAGAMAAN	47. Senaman	80.8	79.7
	48. Amalan Keagamaan	79.7	
PURATA SKOR ASET DALAMAN			74.6

Dapatan kajian (Jadual 3) juga menunjukkan berlaku kekurangan dalam kalangan responden dari sudut penglibatan mereka di dalam aktiviti kreatif. Ini merupakan suatu petanda yang kurang memberangsangkan di waktu negara begitu menggalakkan kreativiti dan inovasi berlaku dalam kalangan belia. Walau bagaimanapun, penyelidik agak sukar untuk menentukan sama ada skor yang diperoleh mencerminkan kekurangan aktiviti kreatif yang ada atau responden sendiri tidak mahu terlibat dengan aktiviti kreatif pada senarai aktiviti yang dinyatakan. Ini bermakna satu ruang kajian yang baru boleh diterokai berkenaan perkara ini di masa hadapan.

Berdasarkan maklumat berkaitan kreativiti tersebut, penyelidik mencadangkan agar sistem ko-kurikulum di sekolah diperluaskan dengan cara memanfaatkan sepenuhnya masyarakat awam melalui keterlibatan mereka dalam program ko-kurikulum. Usaha ini boleh menghasilkan dua impak selari iaitu ke arah menyediakan belia dengan pengalaman ko-kurikulum yang diperlukan, selain membantu mereka menjadi lebih berfikir sivik melalui penglibatan mereka dalam aktiviti kejurangan dan isu-isu sebenar masyarakat. Di samping itu, persatuan belia perlu diperkukuhkan atau dibangunkan supaya matlamat berpusatkan belia menjadi lebih mudah untuk dicapai. Ahli-ahli yang lebih muda wajar memiliki suara yang lebih besar di dalam membuat keputusan. Perkara ini penting bagi membentuk pengalaman kepimpinan yang lebih bermakna. Dalam masa yang sama masyarakat setempat turut dilibatkan dalam member pendidikan secara tidak langsung kepada belia yang terlibat. Peluang seperti ini dapat mewujudkan rasa kekitaan dan kebersamaan yang lebih kukuh dalam kalangan ahli organisasi.

Dapatan skor yang rendah pada aset Tidur dan Tabiat Pemakanan dilihat mencerminkan tahap yang rendah pada domain Amalan Gaya Hidup Sihat dalam kalangan responden. Walaupun senario ini agak biasa dalam kalangan belia, namun ia menunjukkan trend yang tidak sihat lebih-lebih lagi apabila ia dikaitkan dengan masalah obesiti yang berlaku di Malaysia melibatkan golongan kanak-kanak dan belia. Masalah obesiti sangat berkait rapat dengan corak tingkah laku yang sering diamalkan oleh seseorang di rumah. Umum mengetahui, belia hari ini mempunyai lebih banyak pilihan makanan dan sumber kewangan untuk dibelanjakan. Dapatan ini turut memberi indikator bahawa peranan ibu bapa terhadap perkembangan kesihatan anak-anak perlu diberi perhatian secara serius. Oleh itu, asas pendidikan yang kukuh berkaitan tabiat pemakanan yang sihat penting untuk dipelajari dan diamalkan. Program pendidikan dan kesedaran yang menggalakkan tabiat pemakanan yang sihat khususnya di sekolah perlu lebih banyak diperluaskan. Malah, ibu bapa turut perlu diberi kesedaran tentang mudarat tabiat pemakanan yang tidak seimbang, supaya aspek kawalan gaya hidup anak-anak mereka di rumah dapat diperkembangkan.

Perbezaan antara skor aset luaran dan aset dalaman merupakan tanda bahawa belia Malaysia mempunyai kekuatan dalaman yang lebih besar. Namun begitu, sokongan luaran yang ditunjukkan adalah tidak mencukupi. Dalam erti kata lain, usaha yang lebih baik perlu dilakukan agar peluang yang lebih bermakna dapat diberikan kepada generasi belia menggunakan sepenuhnya kekuatan mereka secara dalaman, sekaligus menyumbang secara positif terhadap kawasan kejurangan, masyarakat dan negara. Ini bermaksud, strategi pembelajaran yang lebih praktikal dalam masyarakat merupakan usaha yang perlu difikirkan bersama. Apa yang sering berlaku ialah perbincangan mengenai isu-isu belia di Malaysia cenderung untuk memberi tumpuan kepada masalah dalaman yang dihadapi belia. Sangat jarang untuk dilihat perbincangan yang menyentuh kelemahan sistem sokongan kepada generasi belia di luar sekolah dan keluarga ke arah usaha penambahbaikan.

Skor yang positif bagi keluarga adalah menggalakkan. Dapatan ini selaras dengan kajian negara lain di rantau ini. Para penyelidik melaporkan bahawa secara umumnya, perpaduan dalam kalangan keluarga masih kukuh (Yi, 2013). Walau bagaimanapun, trend negatif seperti peningkatan kadar perceraian dalam kalangan pasangan muda sememangnya memberi cabaran kepada masa depan masyarakat dan kesejahteraan keluarga (Kwan et al., 2013). Pembangunan kemahiran dan kecekapan belia tidak seharusnya terbeban di atas institusi keluarga semata-mata. Ini kerana ruang lingkup sokongan keluarga bagi tujuan pembangunan insaniah dilihat agak terbatas. Maka, penekanan yang

seimbang antara aktiviti penyepaduan keluarga, sekolah dan kawasan kejiranan sangat penting ke arah mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih dinamik dalam konteks pembangunan belia.

Kebanyakan skor positif aset luaran adalah terdiri daripada elemen keluarga dan berkaitan dengan sekolah manakala aset yang lain kebanyakannya berada pada tahap yang rendah dan sederhana. Situasi ini menunjukkan responden jarang berinteraksi dengan masyarakat setempat di mana mereka dilihat terlalu sedikit terlibat dalam aktiviti yang dianjurkan oleh masyarakat di tempat kediaman mereka. Program belia turut dilihat seolah-olah 'terputus' dari pengetahuan masyarakat. Ini ditunjukkan melalui skor yang rendah pada hubungan dengan orang dewasa yang lain, hubungan dengan jiran, kekurangan model peranan positif dan lain-lain. Selain daripada itu, pihak sekolah juga didapati tidak begitu berfungsi memainkan peranannya sebagai institusi masyarakat. Seolah-olah ia diasingkan daripada masyarakat setempat jika dilihatkan situasi interaksi yang sedikit berlaku di antara komuniti dan sekolah. Pelajar di sekolah begitu kurang dilibatkan secara berterusan dalam sosialisasi masyarakat. Pada ketika ini, pembelajaran dilihat seolah-olah terhad dalam bilik darjah.

Kajian turut mendapati majoriti responden tidak melihat diri mereka sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat. Ini ditunjukkan melalui skor yang rendah pada belia sebagai aset dan perasaan dihargai. Kajian menunjukkan responden tidak diberi peranan yang bermakna dalam masyarakat dari sudut ruang dan peluang untuk mereka melibatkan diri. Institusi masyarakat sedia ada seperti masjid, organisasi masyarakat, persatuan penduduk dan lain-lain, banyak memberi peluang ataupun mungkin terhad kepada penyertaan orang dewasa. Perkara ini bertentangan dengan konsep penting DBM yang baru di mana penekanan diberikan dari sudut merentas pelaksana dan generasi. Skor yang rendah bagi program belia dan usaha kreatif juga merupakan dapatan yang selari. Dapatan ini juga mungkin berpunca daripada ketidakmampuan mereka, atau tiada minat dalam kalangan mereka untuk melakukan perkara yang kreatif, ataupun mungkin berlaku akibat kekurangan program formal yang menarik untuk mereka sertai.

Secara ringkasnya (Jadual 4), lebih 80% daripada keseluruhan responden menunjukkan tahap kekerapan memiliki aset yang memberangsangkan apabila mereka memiliki lebih daripada separuh (sekurang-kurangnya 25 aset) dalam proses meningkatkan kesejahteraan hidup mereka. Sebanyak 45.8% daripada mereka didapati mempunyai kekerapan aset pada tahap yang tinggi dan diikuti dengan 36.0% lagi berada pada tahap sederhana. Manakala, hanya 18.3% responden dikatakan berada pada tahap rendah dan berisiko berdasarkan bilangan aset pembangunan yang mereka miliki (secara kerap) di dalam membangunkan kesejahteraan hidup mereka.

Jadual 4: Bilangan Aset yang dimiliki Responden (n=6822)

Bilangan Aset yang dimiliki	Kategori	Peratus
1 – 12	Berisiko	4.0
13 – 24	Rendah	14.3
25 – 36	Sederhana	36.0
37 – 48	Tinggi	45.8

KESIMPULAN

Generasi belia di Malaysia hari ini berhadapan dengan pelbagai cabaran. Perubahan zaman yang berlaku begitu pantas telah menyebabkan ada antara mereka yang 'hanyut' dalam arus perubahan itu. Pembangunan aset belia merupakan langkah yang tepat bagi mengelakan belia terumbang-ambing tanpa sokongan aset dalaman dan luaran. Keputusan KBS menjadikan kajian Kesejahteraan Aset Belia Malaysia sebagai salah satu 'alat' bagi mengukur pencapaian DBM yang baru merupakan satu langkah terpuji yang sepatutnya dihargai serta mendapat sokongan dari semua pihak. Ia membuktikan

penggubalan DBM bukan sekadar 'kertas kosong' tetapi sebenarnya mencerminkan komitmen kerajaan membangunkan belia sebagai aset penting negara. Walaupun penguatkuasaan sepenuhnya DBM adalah menjelang 2018, namun data semasa kesejahteraan aset belia negara merupakan 'signal' yang penting, sama ada di pihak penggubal dasar, pemegang taruh yang mempunyai belia sebagai klien, mahupun golongan belia itu sendiri. Ia merupakan cabaran ke arah merealisasikan DBM yang dikatakan bersifat futuristik, relevan dan terkini. Walau apa pun, dasar akan tetap menjadi sebuah dasar. Perkara paling mustahak adalah apakah usaha yang dilakukan bagi menterjemahkan dasar. Dalam konteks Kajian Kesejahteraan Aset Belia 2015 ini misalnya, keberkesanan pendekatan PYD mesti dibina dalam ruang lingkup institusi sosial yang merangsang serta bersifat interaktif, di mana setiap pihak adalah berkait rapat, saling berhubung serta berinteraksi secara positif. Keadaan ini akan membentuk ilmu dan kemahiran hidup yang disampaikan secara terus dalam masyarakat. Hubungan yang wujud juga merentas kumpulan umur dan latar belakang yang berbeza. Ini memerlukan satu anjakan paradigma dalam pemikiran, di mana program belia bukan lagi harus dilihat sebagai satu struktur terpencil bahkan menggabungkan golongan belia dan masyarakat melalui kerjasama belia-dewasa (*youth-adult partnership*). Terdapat pepatah dalam PYD yang menyebut "orang muda tidak membesar dalam program, mereka membesar di dalam masyarakat".

Sememangnya diakui, jenis-jenis hubungan yang terdapat di dalam masyarakat boleh membantu belia belajar serta menguasai kecekapan interpersonal, menjiwai nilai yang ada dan secara tidak langsung meningkatkan semangat mereka untuk menyumbang sesuatu yang lebih besar kepada masyarakat dan negara. Tetapi, secara umum apa yang boleh disoroti daripada kajian lampau berkaitan pembangunan belia di Malaysia ialah kesediaan belia negara untuk 'terjun' dan 'tenggelam' secara sukarela dan sepenuh hati dalam masyarakat masih belum begitu kelihatan di kala DBM membicarakan konsep PYD sebagai teras utama dasar. Berdasarkan perbincangan Kajian Keberkesanan Aset Belia Malaysia 2015 dalam makalah ini, maka usaha untuk menambahbaik aset luaran belia negara perlu diteliti semula supaya langkah yang pragmatik dapat dilaksanakan. Ini bagi menjadikan 'kehadiran' belia negara sebagai unik, memberi manfaat kepada seluruh bidang pembangunan negara dan meredhakan 'Penciptanya'.

RUJUKAN

- Abdul Kadir, N.B.Y., Ba'ayah, N., Rahim, S.A, Mustapha, Z., Mutalib, A., Hanida, M.Mohamed, R.H. 2012. External assets as predictors of positive emotions among at-risk youth in Malaysia. *Asian Social Work and Policy Review*, 6(3), 203-217.
- Abdul Kadir, N.B.Y., Mustapha, Z., Abdul Mutalib, M. H., & Rahim, S.A. 2014. Internal assets as predictors for positive emotions among at-risk youth in Malaysia. *Asia Pacific Journal of Social Work and Development*, 24(3), 143-157.
- Atkins, L.A., Oman, R.F, Vesely, S.K., Aspy, C.B. & McLeroy, K. 2002. Adolescent tobacco use: the protective effects of developmental assets. *American Journal of Health Promotion*, 16(4), 198-205.
- Azimi, H. & Zanariah, M.N. 2007. Readiness of youth as pillars of developed countries. Kuala Lumpur: Institute for Youth Research and Development Malaysia, Ministry of Youth and Sports Malaysia.
- Benson, P.L. 2003. Developmental assets and asset-building community: Conceptual and empirical foundations. In: *Developmental assets and asset-building communities* (pp.19-43). Springer, US.
- Benson, P.L. 2007. Developmental assets: An overview of theory, research, and practice. In R.K. Silbereisen & R.M. Lerner (Eds.), *Approaches to positive youth development*, pp. 33-58. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Bronfenbrenner, U. 1977. Toward an experimental ecology of human development. *American Psychologist*, 32(7), 513-531.
- Dasar Belia Malaysia. 2015. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Dzuhailmi, D., Krauss, S.E., Azimi, H. & Abd. Hadi, S. 2014. Pegangan agama dalam kalangan belia awal pelbagai kaum di Malaysia. *Journal of Social Science and Humanities, e-Bangi*, 9(1), 117-130.
- Diehl, D.C., Howse, R.B. & Trivette, C.M. 2011. Youth in foster care: Developmental assets and attitudes towards adoption and mentoring. *Child & Family Social Work*, 16(1), 81-92.
- Leffert, N., Benson, P.L., Scales, P.C., Sharma, A.R., Drake, D.R. & Blyth, D.A. 1998. Developmental assets: Measurement and prediction of risk behaviors among adolescents. *Applied Developmental Science*, 2(4), 209-230.
- Fornieris, T., Camiré, M., & Williamson, R. 2015. Extracurricular activity participation and the acquisition of developmental assets: differences between involved and noninvolved Canadian high school students. *Applied Developmental Science*, 19(1), 47-55.
- French, S.A., Leffert, N., Story, M., Neumark-Sztainer, D., Hannan, P., & Benson, P. L. 2001. Adolescent binge/purge and weight loss behaviors: Associations with developmental assets. *Journal of Adolescent Health*, 28(3), 211-221.
- Fulkerson, J.A., Story, M., Mellin, A., Leffert, N., Neumark-Sztainer, D., & French, S.A. 2006. Family dinner meal frequency and adolescent development: Relationships with developmental assets and high-risk behaviors. *Journal of Adolescent Health*, 39(3), 337-345.
- Galinsky, A.M., & Sonenstein, F.L. 2011. The association between developmental assets and sexual enjoyment among emerging adults. *Journal of adolescent health*, 48(6), 610-615.

- Gestsdóttir, S., Urban, J.B., Bowers, E.P., Lerner, J.V., & Lerner, R.M. 2011. Intentional self-regulation, ecological assets, and thriving in adolescence: A developmental systems model. *New directions for child and adolescent development*, (133), 61-76.
- Haslinda, A., Wasitah, M.Y., Azimi, H., Krauss, S.E., Dzuhaulmi, D. & Abd. Hadi, S. 2014. Kajian pembangunan kesejahteraan/aset belia Malaysia. Laporan Akhir Kajian-Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), Universiti Putra Malaysia.
- Ismail, R., Ghazalli, M.N., & Ibrahim, N. 2015. Not all developmental assets can predict negative mental health outcomes of disadvantaged youth: A case of suburban Kuala Lumpur. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(1), 452.
- Jain, S., Buka, S.L., Subramanian, S.V., & Molnar, B.E. 2012. Protective factors for youth exposed to violence role of developmental assets in building emotional resilience. *Youth Violence and Juvenile Justice*, 10(1), 107-129.
- Kwan, L.L., Mellor, D., Rizzuto, L., Kolar, C. & Bt. Mamat, N.H. 2013. The relationship between perceived interparental conflict and Malaysian young adults' attitudes toward divorce. *Journal of Divorce & Remarriage*, 54(7), 596-607.
- Leffert, N., Benson, P.L., Scales, P.C., Sharma, A.R., Drake, D.R. & Blyth, D.A. 1998. Developmental assets: Measurement and prediction of risk behaviors among adolescents. *Applied Developmental Science*, 2(4), 209-230.
- Leffert, N., Scales, P.C., Vraa, R., Libbey, H., & Benson, P.L. 2001. *The impact of Developmental Assets on adolescents' academic achievement*. Minneapolis, MN: Search Institute.
- Lerner, R.M. 2004. *Liberty: Thriving and civic engagement among America's youth*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Masten, A.S., Best, K.M. & Garmezy, N. 1990. Resilience development: Contributions from the study of children who overcome adversity. *Development and Psychopathology*, 2, 425-444.
- Pittman, K.I. & Cahill, M. 1991. *A new vision: Promoting youth development*. Washington, DC: Center for Youth Development and Policy Research. Academy for Educational Development.
- Rutter, M. 1985. Resilience in the face of adversity. Protective factors and resistance to psychiatric disorder. *The British Journal of Psychiatry*, 147(6), 598-611.
- Scales, P.C. 2000. Building students' developmental assets to promote health and school success. *The Clearing House*, 74, 84-88.
- Scales, P.C. 1999. Reducing risks and building developmental assets: Essential actions for promoting adolescent health. *Journal of School Health*, 69(3), 113-119.
- Scales, P.C., Benson, P.L., Leffert, N. & Blyth, D.A. 2000. Contribution of developmental assets to the prediction of thriving among adolescents. *Applied Developmental Science*, 4(1), 27-46.
- Scales, P.C., Benson, P.L., Roehlkepartain, E.C., Sesma, A. & Van Dulmen, M. 2006. The role of developmental assets in predicting academic achievement: A longitudinal study. *Journal of Adolescence*, 29(5), 691-708.

- Scales, P.C., Roehlkepartain, E.C. & Fraher, K. 2012. Do Developmental Assets make a difference in majority-world contexts? A preliminary study of the relationships between Developmental Assets and international development priorities. Minneapolis: Search Institute, Final Report to United States Agency for International Development (USAID) and Education Development Center (EDC).
- Scales, P.C., Pekel, K., & Roehlkepartain, E.C. 2013. The relationship of Developmental Assets to college and career readiness among poor, urban middle and high school students. Minneapolis: Search Institute, paper in progress.
- Scales, P.C. & Taccogna, J. 2000. Caring to try: How building students' developmental assets can promote school engagement and success. *NASSP Bulletin*, 84(619), 69-78.
- Scales, P.C., Benson, P.L., Roehlkepartain, E.C., Sesma, A., & Van Dulmen, M. 2006. The role of developmental assets in predicting academic achievement: A longitudinal study. *Journal of Adolescence*, 29, 691-708.
- Stoneman, D. 2002. The role of youth programming in the development of civic engagement. *Applied Developmental Science*, 6(4), 221-226.
- Search Institute. 2015. Developmental Assets. Search Institute Website. Retrieved from: <http://www.search-institute.org/research/developmental-assets>
- Search Institute. 2016. Developmental Assets. Search Institute Website. Retrieved from: <http://www.search-institute.org/research/developmental-assets>
- Sesma Jr, A., Mannes, M., & Scales, P.C. 2013. Positive adaptation, resilience and the developmental assets framework. In: *Handbook of resilience in children* (pp. 427-442). Springer US.
- Siti, N.Y., Tan, S.A., Siti Marnizah, A.R., Muslihah, H., Rumaya, J., & Rozumah, B. 2015. Religiosity and internal Development Assets among Malays adolescents in Malaysia. *Asian Sosial Science*, 11(12), 181-188.
- Wagener, L.M., Furrow, J.L., King, P.E., Leffert, N., & Benson, P. 2003. Religious and developmental resources. *Review of Religious Research*, 44, 271-284.
- Wasitah, M.Y. & Roslan, M.R. 2011. Pembangunan belia positif dalam program kem rakan muda jiran muda. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 4, 33-58.
- Wasitah, M.Y. 2012. Penerapan elemen pembangunan belia positif dalam perencanaan program rakan muda jiran muda. Tesis PhD (Tidak Diterbitkan), UPM: Serdang.
- Weigel, D.J., Lowman, J.L. & Martin, S.S. 2007. Language development in the years before school: A comparison of developmental assets in home and child care settings. *Early Child Development and Care*, 177(6-7), 719-734.
- Werner, E.E., & Smith, R.S. 1992. *Overcoming the odds: High risk children from birth to adulthood*. Cornell University Press.
- Yaacob, S.N., Aun, T.S., Rahim, S.M.B.A., Hasbullah, M., Juhari, R. & Baharudin, R. (2015). Religiosity and internal developmental assets amongst Malay adolescents in Malaysia. *Asian Social Science*, 11(12), 181.
- Yi, C. 2013. Changing East Asian families: Values and behaviors. *International Sociology*, 28(3), 253-256.